

**TEKS UCAPAN**

**YB. DATUK HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF  
MENTERI KERJA RAYA**

**SEMPENA  
MALAM JASAMU DIKENANG**

**YB. DATO' SERI SHAZIMAN ABU MANSOR  
MANTAN MENTERI KERJA RAYA  
DAN  
YBHG. DATO' YONG KHOON SENG  
MANTAN TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA**

**29 MEI 2013 (RABU)**

**8.00 MALAM**

**HOTEL RENAISSANCE  
KUALA LUMPUR**

Terima kasih saudara pengurus majlis.

YBhg. Dato' Yong Khoon Seng,  
Mantan Timbalan Menteri Kerja Raya,

YB Datuk Rosnah binti Abu Rashid Shirlin,  
Timbalan Menteri Kerja Raya

YBhg. Dato' Himmat Singh,  
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya,

YBhg. Dato' Seri Ir. Mohamad Noor Bin Yaakob,  
Ketua Pengarah Kerja Raya, (JKR)

YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Judin Bin Abdul Karim,  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

YBhg. Dato' Ir. Ismail bin Mat Salleh,  
Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

Pegawai-pegawai Kanan kementerian dan agensi seterusnya tuan-tuan  
dan puan-puan hadirin yang dihormati sekalian.

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia .

Y.Bhg. Dato' Seri, Dato', tuan-tuan, puan-puan serta warga Kerja Raya dikasihi,

1. Pertamanya, ingin saya mengucapkan kesyukuran terhadap ilahi kerana dengan limpah izinnya jua kita dapat bersama-sama dalam Majlis Perpisahan Mantan Menteri dan Timbalan Menteri Kerja Raya, YB. Dato' Seri Shaziman bin Abu Mansor dan Y.Bhg. Dato' Yong Khoon Seng bersama warga kerja raya pada malam ini. Menjunjung kesyukuran jua di atas anugerah keamanan dan limpahan kesejahteraan di bumi bertuah, Malaysia yang kita sayangi. Saya juga ingin menyampaikan salam daripada YB. Dato' Seri Shaziman yang tidak dapat bersama-sama dengan kita pada malam ini di atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakan.

2. Sepanjang 5 tahun kementerian ini diterajui oleh YB. Dato' Seri Shaziman, dibantu oleh Y.Bhg. Dato' Yong Khoon Seng sebagai Timbalan Menteri, Kementerian Kerja Raya telah meraih pencapaian yang cemerlang. Bak kata orang, untuk meneruskan dan mengekalkan kecemerlangan yang sedia ada adalah lebih sukar daripada mencipta kegemilangan. Justeru, cabaran besar ini merupakan satu motivasi positif kepada saya dan YB. Datuk Rosnah, Timbalan Menteri Kerja Raya untuk bersama-sama dengan warga KKR untuk terus melakar kejayaan dan kegemilangan.

Y.Bhg. Dato' Seri, Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

3. Secara peribadi saya melihat YB. Dato' Shaziman sebagai seorang yang mempunyai pengalaman yang cukup luas bukan sahaja dalam arena politik malah juga dalam Pentadbiran. Saya difahamkan bahawa, YB. Dato' Seri Shaziman merupakan tokoh korporat sebelum menyertai barisan kabinet. Personaliti "luar" Dato Seri Shaziman yang memulakan kerjayanya beberapa syarikat korporat ternama merupakan antara kekuatan beliau sebelum menganggotai barisan kabinet Negara. Selepas menerajui Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Teknologi Hijau atau dikenali KETTHA pada ketika itu, beliau terus diberi kepercayaan untuk menerajui Kementerian Kerja Raya pada tahun 2009. Lantaran itu, elemen budaya tadbir urus korporat telah di bawa oleh YB. Dato' Seri Shaziman ke kementerian ini seterusnya melakar banyak pencapaian hebat sepanjang tempoh menerajui KKR.

4. Di bawah era pentadbiran YB. Dato' Seri Shaziman dan Y.Bhg. Dato' Yong, KKR telah meraih beberapa pencapaian yang boleh dibanggakan. Antaranya, KKR menjadi kementerian pertama yang dianugerahkan sebagai kementerian bertaraf 5 bintang oleh penilaian pihak MAMPU. Dan untuk tahun 2010, KKR sekali lagi mempertahankan status kementerian 5 bintang untuk kali kedua. KKR juga turut meraih pencapaian empat bintang dalam Penilaian Indeks Akauntabiliti dalam pengurusan kewangan untuk 3 tahun berturut-turut sejak tahun 2010, pengiktirafan Anugerah Transaksi e-Perolehan Online Terbaik 2010, Pensijilan Semula MS ISO:9001:2008, Portal 5 bintang 2011 dan 2012 dan beberapa pencapaian lain membuktikan KKR berada di landasan yang tepat untuk terus menjadi sebuah organisasi yang berwibawa.

Y.Bhg. Dato' Seri, Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

5. ‘Memory is a way of holding onto the things you love, the things you are, the things you never want to lose’. Itulah Y.Bhg. Dato’ Yong Khoon Seng yang merupakan Mantan Timbalan Menteri Kerja Raya. Saya percaya rata-rata pegawai senior di sini yang terlalu mengenali Dato’ Yong. Peramah, tenang dan berjiwa rakyat, itulah butir-butir kata yang dapat digambarkan mengenai perwatakan beliau sehingga saya difahamkan ada satu falsafah beliau yang tersendiri yang selalu dipraktikan iaitu “ **Jika kita senyum selalu, mesti orang pun akan senyum. Jika ada orang marah, kita pun tetap senyum, akhirnya mereka pun akan senyum juga**” dan inilah yang menjadi perisai terbaik beliau di Parlimen. Beliau juga berdedikasi, ‘**passionate**’ terhadap tugas dan tanggungjawab, berpegang teguh pada prinsip, sekali pandang nampak sirius namun jika mengenali dengan dekat beliau memiliki ‘**sense of humour**’.

6. Y.Bhg. Dato’ Yong Khoon Seng memulakan karier beliau dalam barisan kabinet apabila dilantik sebagai Setiausaha Parlimen pada 27 Oktober 1990 di Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat . Tanggal 8 Mei 1995, Dato’ Yong dilantik sebagai Setiausaha Parlimen di Kementerian Kerja Raya sehingga 18 Mac 2008 dan diberi kepercayaan menjadi Timbalan Menteri sejak 19 Mac tahun 2008 sehinggalah bersara pada tahun 6 Mei pada tahun ini. Beliau pernah berkhidmat dengan empat (4) Menteri Kerja Raya bermula dengan Y.Bhg. Dato’ Leo Moggie Anak Arok sehinggalah kepada YB. Dato’ Seri Shaziman Abu Mansur. Pengalaman selama 18 tahun di kementerian ini membuktikan bahawa Dato’ Yong merupakan “otai” ataupun orang lama yang sangat berpengalaman di KKR. Ini sudah

cukup membuktikan beliau amat mengetahui selok belok perjalanan kementerian ini berbanding kita semua.

7. Sikap kendiri beliau yang boleh dibawa berbincang, “**easy to get along**”, dan sentiasa berusaha mempermudah urusan serta tidak menyusahkan orang yang menghadapi masalah dan kesusahan adalah kualiti yang perlu dicontohi dan di teladani oleh kita semua terutamanya oleh warga KKR. Saya terbaca dalam salah satu tulisan di blog mengenai Dato’ Yong yang sangat menarik adalah apabila ditanya siapakah sahabat beliau yang paling rapat, YB Dato’ Yong Khoon Seng berkata bahawa semua pengundi-pengundi dalam kawasan Parlimen Stampin adalah sahabat-sahabat beliau yang paling rapat dengan beliau. Inilah karektor sebenar beliau sebagai seorang pemimpin dan ahli politik yang mesra dan berjiwa rakyat serta cukup berpengalaman yang sukar di cari ganti.

Y.Bhg. Dato’ Seri, Dato’-Dato’, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

8. Kini, Kementerian Kerja Raya akan kehilangan dua orang pemimpin yang berwibawa, berjasa, dan pemimpin yang berjiwa rakyat serta berkarisma. Kehilangan mereka amat dirasai bagi kita semua seluruh warga KKR. Bak kata pepatah Melayu, patah kan tumbuh, hilang kan berganti, namun yang hilang akan tetap kekal abadi. Sudah pastinya kita semua akan merindui ketiadaan YB. Dato’ Seri Shaziman dan Dato’ Yong dan saya percaya persahabatan KKR dengan kedua-dua pemimpin ini tidaklah berkahir di sini sahaja.

9. Pada kesempatan ini, sekali lagi saya dan YB. Datuk Rosnah serta seluruh warga KKR merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan

dan terima kasih kepada YB. Dato' Seri Shaziman bin Abu Mansor dan Y.Bhg. Dato' Yong Khoon Seng di atas sumbangan dan komitmen mereka sepanjang tempoh perkhidmatan di Kementerian ini. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga terhadap isteri YB. Dato' Seri Shaziman, Y.Bhg. Datin Seri Rozana bt Mohamed Khalid yang turut berperanan penting selaku penanung Kelab Puspanita Kementerian Kerja Raya. Kita berdoa, semoga tuhan akan melimpahkan rahmat dan peliharaan-Nya kepada YB. Dato' Seri dan Dato' serta keluarga, dipanjangkan usia, diberikan kesihatan tubuh badan dan ditambahkan ilmu pengetahuan bagi manfaat agama, bangsa dan Negara.

Y.Bhg. Dato' Seri, Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

10. Terlalu banyak lagi kejayaan-kejayaan untuk disebut disini namun saya percaya semua kejayaan ini adalah usaha gigih Dato' Seri Shaziman dan Dato' Yong serta semua warga KKR untuk bersama-sama berganding bahu memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Saya berharap, sebagai Menteri dan Timbalan Menteri Kerja Raya yang baharu, saya dan Timbalan saya, YB. Datuk Rosnah akan diberi kerjasama sedemikian rupa untuk kita terus mencipta kejayaan demi kejayaan di masa depan. Saya Sudah ucapan saya dengan dua rangkap pantun:

Tuai Padi Antara Masak,  
Esok Jangan Layu-layuan,  
Intai Kami Antara Nampak,  
Esok Jangan Rindu-Rinduan .

Kalau ada pauh didaik,  
Bawa sebiji ke tanah seberang ,  
Kalau ada budi yang baik ,  
Sampai mati dikenang orang.

15. Saya ucapkan selamat maju jaya kepada YB. Dato' Seri Shaziman dan Y.Bhg. Dato' Yong.

Sekian, Terima Kasih.Wabillah hitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh.